

Koleksi Melayu di British Library, London

ANNABEL GALLOP*

Dalam makalah yang ringkas ini penulis bermaksud untuk memperkenalkan koleksi Melayu di British Library secara sepintas lalu. Tulisan ini merupakan satu maklumat awal untuk pengetahuan pengkaji yang berminat untuk mengetahui secara umumnya koleksi yang kini tersimpan di Perpustakaan di atas. Moga-moga maklumat yang ringkas dapat kiranya membantu para pengkaji yang menjalankan penyelidikan dalam bidang pengajian Melayu. Suka dinyatakan bahawa koleksi ini mengandungi beraneka macam tulisan dan penerbitan yang terkumpul dalam perpustakaan di atas.

Bahan-bahan berbahasa Melayu di British Library pada umumnya disimpan di dalam bahagian Oriental Collections. Bahan-bahan ini terdiri dari naskhah tulisan tangan, buku-buku cetak, dan surat khabar dan majalah. Di British Library, terdapat kira-kira 70 naskhah Melayu, [separuh di Oriental Collections dan separuh yang lain di India Office Library and Records]. Selain daripada itu juga terdapat kira-kira 150 naskhah lagi dalam bahasa Nusantara yang lain, misalnya bahasa Jawa, Bali dan Batak. Suatu naskhah yang baru dibeli pada awal tahun ini yang amat penting nilainya adalah *Hikayat Raja Khandak* dan *Hikayat Raja Pasai* yang ditulis di Semarang, Jawa pada tahun 1797. Tarikh itu bererti bahawa naskhah *Hikayat Raja Pasai* ini (yang sayang sekali tidak lengkap) lebih tua lagi daripada satu-satunya naskhah yang lain dari Hikayat ini, iaitu yang disalinkan untuk Raffles pada tahun 1815 dan sekarang disimpan di Royal Asiatic Society di London.

Oleh sebab naskhah-naskhah Melayu di British Library telah didaftarkan dalam katalog Ricklefs dan Voorhoeve *Indonesian manuscripts in Great Britain* (1977), pada kesempatan ini saya ingin memusatkan perhatian kepada koleksi buku-buku dan surat khabar sahaja. Di bawah ketetapan-ketetapan *The Straits Settlement, Registration of Book Ordinance* dari tahun 1886, dan undang-undang serupa yang menyusul dari Federated Malay States dan Johore, satu jilid dari setiap buku atau majalah yang didaftar, diwajibkan dikirim kepada British Museum di London. Perlu dinyatakan bahawa tidak semua buku yang telah

*Saya mengucapkan terima kasih kepada Syarikat Penerbangan MAS yang telah memberi bantuan untuk saya berkunjung ke Malaysia.

dicetakkan pernah didaftar, dan tambahan pula, tidak setiap buku yang dikirim kepada British Museum masih tersimpan di dalam British Library dewasa ini. Namun demikian, koleksi bahan-bahan cetak dalam bahasa Melayu di British Library boleh dikatakan mencerminkan dengan baik sejarah percetakan di Malaysia.

Salah satu sektor percetakan dalam bahasa Melayu tertua dan sangat giat adalah terbitan-terbitan misi Kristian di seluruh Nusantara. Bahan dalam bahasa Melayu dari Nusantara yang tertua di British Library adalah sebuah Bible yang dicetak di Batavia pada tahun 1697. Zaman bermulanya percetakan di Nusantara baru berlaku pada awal abad kesembilan belas, tetapi penyebarannya amat cepat. Di British Library terdapat contoh-contoh penerbitan misi dari Melaka pada tahun 1821; dari Bengkulu pada tahun 1823; dari Ambon pada tahun 1834; dan dari sejauh Kupang di pulau Timor muncullah buku *Anugerah daripada pengasehan jang masehij bagi anak2* dicetak oleh Pastor G. Heijmering pada tahun 1838. Buku Melayu terindah di British Library dinilai dari segi seninya mungkin majalah *Cermin Mata*, yang dibuat cetakan batu di Singapura pada tahun 1850-an oleh misi Kristian dan yang memuat berbagai-bagai artikel dan syair. Boleh dipersoalkan apakah guna dan makna terbitan-terbitan misi ini bagi pengajian Melayu? Harus diakui bahawa nilai sastera kebanyakan tulisan-tulisan ini tidak begitu penting; oleh sebab sebahagian besar dari terbitan misi bukanlah tulisan asli, tetapi merupakan terjemahan dari bahan yang dikirim dari London Missionary Society kepada wakilnya di seluruh dunia untuk diterjemahkan dan disebar. Tetapi untuk pengajian linguistik dan bibliografi, sudah barang tentu bahan ini merupakan sumber penting. Umpamanya di dalam buku *Pengajaran Agama Masehi* yang diterbitkan oleh Pastor Gericke di Ambon pada tahun 1834 terlampir daftar kata bahasa Ambon dengan sebutan 'Melayu rendah' pada bahagian akhirnya.

Bukan hanya buku mengenai agama Kristian yang tersedia di British Library. Terdapat pula banyak buku mengenai ilmu agama Islam, seperti *Tajwid al-Quran* ini dari Singapura sekitar tahun 1876. Di antara buku-buku lain mengenai pelbagai pengajian agama Islam, terdapat buku yang berikut *Risalah majmuah fi manasik al-hajj* karangan Muhammad Azahari bin Abdullah, ditulis pada tahun 1900, di Singapura. Suatu kenyataan yang menarik perhatian adalah jumlah besar buku-buku Islam dalam bahasa Melayu atau bahasa Melayu dan Arab yang diterbitkan oleh percetakan-percetakan di India, khususnya Bombay, seperti *Hidayat al-Salikin* oleh Abdul Samad al-Palembangi pada tahun 1894. Terdapat pula karya ahli ilmu agama dari keturunan Melayu yang masyhur iaitu Daud ibn Abdullah dari Patani, antara karyanya *Furu'al-Masa'il wal Usul al-Masa'il* dalam bentuk *litograf* setebal 500 halaman yang diterbitkan pada tahun 1896.

Koleksi sastra Melayu di British Library cukup lengkap, mencakup hikayat-hikayat terkenal seperti *Hikayat Pelanduk Jenaka*, *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Nachoda Muda* dan *Hikayat Si Miskin*. Antara karya yang agung oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munshi ialah *Hikayat Abdullah* yang dilithografikan pada tahun 1849. Di dalamnya terdapat lukisan yang menggambarkan hukuman bagi anak-anak sekolah yang nakal.

Suatu bidang sastra yang lain yang pernah populer dikalangan masyarakat Melayu ialah syair. Pada akhir abad kesembilan belas, Singapura dibanjiri oleh syair. Syair biasanya dilithografikan secara kasar sekali dengan menggunakan kertas bermutu rendah sehingga pada hari ini, kebanyakan syair ini berada dalam keadaan yang buruk. Menurut Za'ba, bukanlah hanya mutu kertas syair ini yang kurang memuaskan. Beliau menulis pada tahun 1939 "Pada zaman itu, terdapat suatu jumlah besar syair tanpa nama pengarang yang mutunya kelas ketiga. Rupanya syair ini ditulis oleh penyair buruk yang amateur dari perusahaan penerbitan dan penjualan buku demi keselamatan pasaran buku." Tetapi tak dapat disangkal, syair ini sangat digemari para pembaca, dan terbukti dengan banyaknya jumlah edisi yang dicetak dan disebar. Terkadang-kadang, ada syair yang sangat populer yang dicetak berkali-kali selama 30 tahun lebih. Syair-syair di British Library, antara lain, adalah *Syair nasihat daripada bapa kepada anak-anak*, *Syair Siti Zubaidah*, *Syair Terubuk hendak meminang puyu-puyu*, dan syair terkenal *Syair Abdul Muluk* oleh Raja Ali Haji, semuanya dalam banyak edisi. Terdapat pula syair Islam seperti *Syair Mekkah Medinah* (1873) dan *Syair Cermin Islam*. Ada juga syair Betawi yang terkenal itu *Syair Nyai Dasima* dengan *Tuan Edward Williams* edisi tahun 1912. *Syair Indera Seba* rupanya satu-satunya syair bergambar di koleksi British Library, dan British Library mempunyai dua edisi dari tahun 1888 dan dari tahun 1901, sehingga kita dapat membandingkan kedua cetakan ini. Yang jelas, taraf seni baik, kaligrafinya maupun lukisannya di edisi tahun 1888 yang di atas jauh lebih halus daripada edisi tahun 1901 yang di bawah, meskipun kesamaan adegan yang dilukiskan bererti penulis dan pelukis baru menyalinkan edisi baru dari salah satu edisi lama. Gaya lukisan ini yang ke India-Indiaan mungkin ia mencerminkan asal-usul cerita syair ini.

Salah satu sifat dari bentuk fizikal semua syair zaman itu yang menarik adalah sarung atau sampulnya. Sampul-sampul ini dicetak (block or screen printed), ada yang berpola geometris dan ada yang polanya dipengaruhi lukisan batik. Sampul-sampul ini buatan China, dan sering ada tiga huruf China di bahagian bawahnya.

Suatu genre sastra yang lain yang tersendiri dan menarik adalah sastra peranakan atau sastra Baba iaitu sastra dalam bahasa Melayu dari orang China di Nusantara. Salah satu karya terpenting di koleksi British Library adalah *Cerita dulu kala Sam Kok* atau *Cerita Tiga*

Kerajaan, dalam 30 jilid. Antara penulis dan penerbit yang paling giat pada tahun 30-an adalah Wan Boon Seng, dengan nama gelarannya Panah Peranakan. Kegiatannya meliputi menerbitkan cerita asli China dalam bahasa Melayu, [seperti *Cerita dulu kala Say Han* (1931)]; pantun *Baba Ini Pantun Dondang Sayang* (1931); dan surat khabar dan majalah *Baba* seperti *Sri Peranakan*. Tetapi selain karya-karya sastera *Baba* seperti contoh-contoh ini yang umum diketahui, terdapat pula tulisan peranakan lain yang lebih menarik dilihat baik dari segi sastera maupun dari segi sejarah dan kebudayaan, dan yang mencerminkan secara lebih dalam, hubungan kebudayaan antara kaum Melayu dan China serta suku-suku pendatang yang lain di Nusantara ini melalui bahasa perantaraan iaitu bahasa Melayu. Umpamanya, *Syair Al-Marhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor* oleh Na Tian Piet, ditulis pada tahun 1896 di Singapura. Sebagaimana diceritakan dalam stanza-stanza pembukaan syair ini, Na dilahirkan di Bengkulu, kemudian pindah ke Singapura, dan pernah tinggal di Riau selama dua tahun. Dari Singapura dia sering pergi berniaga ke Sumatera, Aceh dan Deli. Di Singapura, dia berkenalan dengan Sultan Abu Bakar dari Johor. Syair ini dikarang setelah wafatnya Sultan Abu Bakar di London. Suatu buku yang lain yang menarik adalah *Cerita Lautan Akal*, yang katanya ditulis "dari kerana permintaan peranakan China Baba-Baba dengan bahasa Melayu yang senang... oleh peranakan Pulau Pinang S.P.S.K. Kader Sahib" pada tahun 1907. Claudine Salmon, seorang ahli sastera peranakan, melaporkan kehausan yang sama untuk bahan-bahan bacaan asli Nusantara/Melayu dari orang Cina di Jawa pada abad yang kesembilan belas, dengan adanya permintaan cerita-cerita seperti *Hikayat Sultan Ibrahim* dan *Syair Juragan Budiman* (untuk dipindahkan dari jawi ke rumi) supaya dapat dibaca oleh orang Cina. Satu contoh yang lain mengenai hubungan kebudayaan antara kaum adalah *Melor Peranakan* ditulis di Melaka pada tahun 1933 oleh seorang pengarang Melayu, Hamim Taib. Dalam pendahuluan, dia menerangkan sebab-sebab dia menulis cerita ini;

Ada pun cerita ini telah dikarang dengan permintaan satu dua orang sahabat-sahabat saya baba-baba peranakan yang tau baca surat Melayu. Sebab sahabat saya itu sudah tengok cerita-cerita orang-orang Melayu banyak memberi penghiburan kepada pembacanya, dan banyak terkandung kisah-kisah memberi keinsafan dan pelajaran, sahabat saya itu meminta saya karangkan satu cerita ibarat terjadi dalam Malaya dalam pergaulan baba-baba Cina peranakan.

Tetapi mengingat adanya perbezaan yang penting antara aturan menulis bahasa Melayu baba, dan bahasa Melayu sebenarnya yang dianggap lebih halus, pengarang Hamim Taib tidak lupa memberi peringatan keras kepada pembaca-pembaca Melayu. Dia menulis;

Anak-anak Melayu yang membaca karangan ini hendaklah ketahui bahawa cerita ini dikarang mengikut ejaan dan aturan bahasa baba Peranakan yang tidak boleh ditauladankan dalam karangan tuturan lidah anak Melayu.

Untuk contoh sastra peranakan dalam pengertiannya yang paling luas, amatilah buku *Syair Intan Jubilee* oleh Tuan H.A. de Vries, yang "memegang pekerjaan di Municipality, Singapore." Inilah sebuah puisi dalam bahasa Melayu yang menggunakan bentuk sastra asli Melayu dan ditulis oleh seorang Belanda atau Eurasian di Singapura, untuk memperingati Jubilee Intan dari Ratu Inggeris.

SASTERA MODEN

Sastra Melayu moden, iaitu sastra yang bersifat kreatif yang diciptakan oleh seseorang penulis, sudah berkembang sejak tahun 1930-an. Banyak karya yang bercorak prosa yang asli telah diterbitkan termasuk novel berjilid karya Ahmad bin Muhammad Rashid Talu. Antaranya termasuklah *Dua Belas Kali Sengsara* (1932); dan novel-novel oleh Abdul Samad bin Ahmad; Abdullah bin Sidik, Ahmad Abdullah [dengan *Orang Licin* (1939)], Shamsuddin Salleh dengan *Memang Begitu* (1938), dan Ahmad Murad bin Nasaruddin dengan *13 Jun* (1940), yang mengisahkan tentang seorang yang menunggu hari dia akan digantung. Novel-novel di atas berlatar belakangkan berbagai-bagai tempat, dari Seremban ke Turki, dari Eropah ke California.

Pada tahun 1920-an dan 30-an terdapat pula banyak novel terjemahan dari bahasa Arab, atau dari bahasa-bahasa Eropah, terkadang melalui bahasa Arab, termasuk siri Rocambole dari Perancis yang diterjemahkan oleh Sayid Shaikh bin Ahmad al-Hadi, siri cerita Tarzan dari Ahmad Nawawi dan banyak cerita mata-mata gelap yang diterjemah ke dalam bahasa Melayu oleh Abdul Malik bin Muhammad Yunus. Novel mata-mata gelap dikira sangat laris dengan kata sifat yang paling biasa untuk menggambarkan novel-novel "dahsyat" dan "ngeri." Salah seorang penulis yang sangat giat, juga sebagai penerbit, ialah Raja Mansor, yang buku-bukunya terkenal kerana judul-judulnya yang agak seksual, seperti *Perawan yang Diimpikan* dan *Tujuh Kali Beristeri* (1935). Di antara edisi pertama yang penting di British Library adalah karya Pak Sako (Ishak Haji Muhammad) *Putera Gunung Tahan*, yang diterbitkan pada tahun 1937 oleh Jamiliah Press di Parit Jamil, Muar, salah satu penerbitan yang terpenting pada tahun 1930-an. Di kalangan pembaca pada zaman itu terdapat perhatian besar ke dunia Arab, sehingga ceritera-ceritera filem Mesir seperti *Bint al-Basya* menjadi sangat popular. Buku-buku filem ini biasanya melampirkan daftar pelakon dan diisi dengan foto-foto dari filem tersebut.

Dilihat dari koleksi British Library, nampaknya penerbitan dalam bentuk prosa jauh lebih giat dari penerbitan puisi moden pada tahun 1930-an, tetapi masih terdapat beberapa jilid puisi, antaranya *Perbendaharaan yang keemasan* dari Kuala Lumpur pada tahun 1932. Buku ini sangat menarik kerana merupakan kerjasama dari sepasang suami isteri, Othman Hashimi yang menulis sajak dan isterinya Che' Pok Badariah yang

mengumpulkan dan menerbitkannya. Mereka bergambar bersama sedang bermesra-mesraan pada awal buku itu. Kesedaran yang tinggi terhadap hal-ehwal dunia sekelilingnya tampak dengan jelas dalam berbagai bidang penerbitan Melayu sebelum perang. Muncullah buku-buku mengenai Sun Yat Sen, Jepun, sejarah moden Mesir, dan cerita mengenai pelarian tahanan Inggeris dari penjara Jerman semasa Perang dunia Pertama. Masih banyak buku lagi yang meliputi bidang seperti sepak bola, 1895, ilmu masak, ilmu tafsir tangan dan ilmu silap mata.


Koleksi majalah dan surat khabar Melayu di British Library mulai dengan *Malay Magazine* atau *Bustan Arifin*, majalah misi Kristian dalam bahasa Melayu-Inggeris yang diterbitkan oleh Anglo-Chinese college di Melaka pada tahun 1821-22, dan *Jawi Peranakan*, surat khabar Melayu yang pertama. Surat khabar lithograf seperti *Sekolah Melayu* dari tahun 1888, dan *Lengkongan Bulan* (1900), hingga majalah-majalah dewasa ini seperti *Dewan Bahasa* dan *Era* juga ada dalam simpanan. Terdapat majalah cendekiawan seperti *Majalah Guru* dan majalah hiburan dan buku umum seperti *Kehidupan Dunia Akhirat* (1935). Antara majalah Islam terdapat judul-judul yang menggunakan bahasa Arab seperti *Wihdatul Madaris*, majalah guru-guru sekolah Arab (di Semenanjung Tanah Melayu) yang dikeluarkan dari Madrasah al-Masyhur di Pulau Pinang, dan *Cahaya Islam*. Terdapat pula majalah-majalah yang diterbitkan oleh ikatan wanita seperti *Bulan Melayu*, yang dikeluarkan pada tahun 1947. Sementara itu terdapat puluhan majalah filem dari tahun 50-an dan 60-an antara lain *Filem Malaysia*, *Majalah Filem*, *Mastika Filem* dan lain-lainnya yang kebetulan sudah merupakan sumber-sumber penting untuk pengajian sejarah sosial dan kebudayaan popular. Di samping itu terdapat pula majalah filem Melayu yang pertama, iaitu *Filem Melayu*, dari tahun 1941. Banyak bahan penting yang terkandung dalam majalah-majalah serupa ini. Misalnya bilangan pertama *Filem Melayu* dan majalah *Suara Malaysia* mengenai penggunaan huruf jawi versus rumi. Abdul Rahim Kajai menulis tentang kekhawatirannya ketika dia mendengar bahawa seorang temannya, iaitu Hj. Abdullah Jaafar, hendak menerbitkan sebuah majalah berhuruf rumi. Kajai menulis;

Saya harus boleh mendakwakan cukup tahu rahasia bangsa Melayu dengan huruf Rumi, dan dapat saya katakan bahawa bangsa Melayu yang sebenar-benarnya tidaklah redza meninggalkan huruf Jawi.


Tetapi kemudian dia meneruskan bahawa dia diberitahu bahawa majalah itu "bukanlah majalah siasat atau majalah keperdzuan Melayu semata-mata, bahkan adalah sebuah majalah filem gambar." Ketika itu Abdul Rahim Kajai mahu memberi sokongannya kepada usaha baru itu, dengan berkata;

Ketika itu barulah saya tahu rupanya sahabat saya itu ada mempunyai hemah dan cita-cita yang tinggi. Majalah yang dicitanya itu saya percaya memang pantas memakai huruf rumi, kerana boleh mencapai peranan-peranakan tanah Melayu,

**BEBERAPA CONTOH KOLEKSI MELAYU YANG
TERSIMPAN DI BRITISH LIBRARY, LONDON**



Akhbar *Jawi Peranakan* yang dianggap sebagai akhbar yang tertua diterbitkan di Tanah Melayu.




Sekola Melayu atau *a Malay Scholar*, satu lagi akhbar yang paling awal pernah diterbitkan.




Kelahiran majalah *Filem Melayu* sebagai tanda kemunculan industri perfileman Melayu di awal tahun 40-an



Industri perfileman Melayu berkembang secara meluas dalam tahun-tahun 50-an dan 60-an



UMNO ditubuhkan pada tahun 1946 sebagai tanda kebangkitan umat Melayu menentang Malayan Union. Kemudiannya UMNO wujud sebagai sebuah parti politik Melayu yang berpengaruh. Dasar dan perjuangannya disebarkan melalui *Suara UMNO*.



Parti Islam Se-Malaya atau PAS merupakan parti saingan kepada UMNO iaitu parti Melayu yang dominan dan berpengaruh dari tahun 1946 hingga ke hari ini (1988).



Gajah Putih dipercayai sebagai majalah komik yang awal sekali diterbitkan dalam bahasa Melayu.

teristimewa baba-baba, yang mana jika sekiranya diterbitkan dalam huruf jawi, tidalah berguna kepada orang-orang yang lain daripada Melayu saja.

Sumber-sumber seperti ini jelas pentingnya bagi pengajian per kembangan pemikiran tentang kebudayaan Melayu pada awal abad ini. Masih tetap di bidang kebudayaan popular, terdapat di British Library suatu koleksi besar komik Melayu, yang agaknya mulai muncul pada awal tahun 1950-an. Siri ini *Majalah Comics Melayu*, mungkin antara yang terawal pernah diterbitkan. Selain tema mata-mata gelap dan *spacemen*, ceritera Melayu asli seperti *Hikayat Hang Tuah* dan *Sejarah Melayu* sangat popular. Di British Library juga terdapat banyak majalah dari berbagai partai politik seperti dari *Suara UMNO* dan *PAS* ke majalah Partai Rakyat dan majalah Partai Tindakan Rakyat, iaitu PAP (Peoples' Action Party) dan banyak yang lain. Terdapat sebuah surat khabar yang baru ditemui, iaitu *Seruan Rakyat*, dipimpin oleh Harun Aminurrashid, yang merupakan harian yang diterbitkan pada tahun-tahun 1947-1948, yang meliputi secara saksama perkembangan seharian dalam revolusi di Indonesia, termasuk pertempuran berdarah di Surabaya di mana para nasionalis melawan angkatan tentera Inggeris. Surat khabar ini pasti mengandungi banyak sumber-sumber penting yang belum dimanfaatkan untuk penelitian sejarah.

Dalam rencana ini, saya telah memusatkan perhatian terhadap buku-buku dan majalah-majalah tua di British Library, tetapi harus ditambah pula bahawa sampai dewasa ini, British Library masih tetap membeli terbitan baru dalam bahasa Melayu dari Malaysia, Singapura, Indonesia dan Brunei. Terdapat juga koleksi buku tua dari Indonesia dalam bahasa Melayu, bahkan ada yang berbangsa Jawa, Sunda, Bali, Batak dan lain-lain.

Perlu dinyatakan bahawa sebahagian besar dari koleksi Melayu di British Library, termasuk terbitan-terbitan yang paling tua dan penting, sekarang tersedia di Malaysia dalam bentuk mikrofis melalui Projek Mikrofis Konsortium Perpustakaan Malaysia. Adalah diharapkan supaya bahan-bahan lain yang baru ditemui dapat dimikrofis dan dikirimkan ke Malaysia dalam rangka projek ini dalam jangka waktu yang pendek.

The British Library
 Oriental Collections
 14, Store Street, London